

02/07/2004

Tiga faktor untuk pelajar jadi pemimpin besar: Musa

By Mohd Feroz Abu Bakar

BEKAS Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, berkata pemimpin, termasuk di kalangan pelajar perlu sentiasa mengingati tiga faktor utama untuk menjadi pemimpin besar pada masa depan.

Selain kesanggupan menyahut cabaran bagi memajukan negara, beliau berkata, faktor kedua ialah mesti mengenal pasti baik dan buruk dalam kepemimpinan sebelum ini atau mengetahui kelemahan serta kekuatan pemimpin terdahulu untuk dijadikan teladan atau sempadan.

Faktor ketiga, katanya, pemimpin perlu mendapatkan sokongan padu daripada pengikutnya atau sekurang-kurangnya persetujuan majoriti bagi memudahkan mereka melaksanakan setiap perancangan.

"Jika pemimpin dapat menghayati tiga perkara ini, Insya-Allah mereka akan diterima oleh pengikut dan boleh meneruskan perancangan bagi membangunkan negara dan sebagainya.

"Perbalahan atau konflik akan berlaku setiap masa dan kumpulan atau puak seperti dalam parti politik, terutama menjelang pemilihan kepemimpinan adalah perkara biasa.

"Yang penting, pemimpin tidak berdendam dan tidak memikirkan kepentingan diri, sebaliknya mengutamakan kepentingan golongan yang dipimpin atau rakyat," katanya pada Majlis Ucapan Perdana anjuran Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia (UUM) di Bangi, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor, UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri; Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Adham Baba dan Pengarah institut itu, Prof Datuk Dr Amir Awang.

Ucapan Perdana bertajuk "20 Tahun Bersama Mahathir" itu turut dihadiri kira-kira 400 pemimpin pelajar universiti awam dan maktab perguruan.

Musa berkata, pemimpin pelajar pula perlu menghayati ciri-ciri kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad dan belajar daripada pengalaman tokoh negara itu untuk disesuaikan dengan gaya pengurusan pada masa depan.

Beliau berkata, bekas Perdana Menteri keempat itu bukan saja berjaya membangunkan Malaysia dari segi fizikal dengan pelbagai kemudahan infrastruktur, malah meningkatkan sosio-ekonomi Bumiputera dan menguruskan dasar kewangan dengan baik.

"Kita boleh belajar pengalaman Dr Mahathir daripada banyak buku yang bercerita zaman pentadbiran beliau, tetapi yang terlampau memuji atau terlalu mengkritik, pada saya menjejaskan kewibawaan penulisannya.

"Pergaulan saya dengan Dr Mahathir sejak zaman Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman hingga saya menjadi Timbalan Perdana Menteri dan persahabatan selepas terkeluar dari kerajaan, menunjukkan beliau seorang yang sangat mementingkan kemajuan penduduk luar bandar.

"Pada awalnya, Dr Mahathir dan saya atas arahan Tun Abdul Razak menyusun strategi untuk memodenkan orang Melayu yang ketika itu tinggal di luar bandar menerusi pendidikan dan penyediaan suasana atau prasarana yang sesuai.

"Kerajaan kemudian memutuskan untuk menghantar pelajar Bumiputera mengikuti pengajian di luar negara dan akhirnya kita mendapat ramai profesional Melayu," katanya.

Musa berkata, Dr Mahathir sangat yakin dan tegas dalam setiap keputusannya kerana ia dibuat selepas kajian mendalam serta mengambil kira pendapat pakar dalam bidang terbabit.

Selain tidak berganjak daripada tindakannya atau memohon maaf jika mendapat kritikan hebat kerana mengganggu perbuatan itu sebagai sifat

orang yang lemah, beliau berkata:

"Dr Mahathir juga sangat teliti dalam pentadbiran dan mengamalkan sikap ingin tahu termasuk perkara yang sangat kecil atau dianggap remeh oleh orang lain. Pemimpin seperti Dr Mahathir tidak ada gantinya."

(END)